

TARIKH	AGENSI	SUBJEK	MEDIA	TAJUK	MUKA SURAT
12/3/2023	IKN	Pink October	Utusan Borneo (Sarawak)	Institut Kanser Negara perlu bajet lebih tinggi, ubat kanser mahal	10

Institut Kanser Negara perlu bajet lebih tinggi, ubat kanser mahal

PUTRAJAYA: Institut Kanser Negara (IKN) berharap bajet bagi rawatan kanser dapat ditingkatkan khusus untuk ubat-ubatan kerana berlakunya kekangan dari segi rawatan berikutan ubat-ubatan tidak dapat diberikan kepada setiap pesakit kerana harganya yang mahal.

Pengarahnya Dr Mohd Anis Haron@Harun berkata, IKN menerima kira-kira RM80 juta untuk enam bulan pertama tahun ini yang digunakan bukan sahaja untuk ubat-ubatan tetapi juga emolument, pembedahan dan lain-lain, namun jumlah itu dilihat tidak mencukupi kerana harga ubat-ubatan untuk rawatan kanser adalah mahal dan tidak dapat diberikan secara percuma kepada semua pesakit.

"Dengan bajet yang kami terima untuk enam bulan pertama ini lebih kurang RM80 juta, itu sahaja yang kita boleh belanjakan untuk ubat-ubat yang mahal. Ubat kanser terkenal mahalnya kecuali ubat generik yang menjadi lebih murah tetapi ubat-ubat terbaharu masih lagi mahal. Kami tidak mampu memberinya secara percuma jadi IKN berharap dapat bajet yang lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas pro-



BERUCAP: Dr Zaliha menyampaikan ucapan sempena World Cancer Day Fun Run 2023 di Institut Kanser Negara, Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama

gram World Cancer Day Fun Run 2023 yang dirasmikan Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa, di sini semalam.

Dr Mohd Anis berkata bajet yang tinggi untuk ubat-ubatan diperlukan kerana ketika ini terdapat ubat tertentu seperti targeted therapy atau ubat sasaran yang menjadi kaedah pertama selain proses kimoterapi untuk rawatan kanser.

Beliau berkata IKN masih mengenakan kuota kepada pesakit terpilih dan keputusan itu dibuat pakar perubahan untuk kesesuaian ubat berkenaan dan proses itu bukan mudah kerana perlu mendapatkan kelulusan yang memerlukan dokumentasi lengkap bahawa pesakit itu

sesuai untuk mendapatkan ubat berkenaan.

Sementara itu, Dr Mohd Anis berkata terdapat peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kanser ekoran promosi yang aktif dalam laman sosial dengan IKN menerima kemasukan pesakit luar sebanyak 51,000 orang dan pesakit dalam seramai 9,500 orang tahun lepas.

Beliau berkata kes-kes yang stabil akan dirujuk ke hospital lain supaya IKN dapat menerima kes-kes baharu.

Katanya, IKN akan memberi fokus kepada golongan pesakit yang datang pada peringkat lewat yang dilihat mencatat peningkatan iaitu

kira-kira 40 peratus supaya golongan berkenaan datang untuk membuat saringan lebih awal.

Beliau berkata kanser paru-paru dilihat meningkat selama bertahun-tahun dengan pesakit berumur 40 tahun ke atas dan kanser yang paling lazim dalam kalangan lelaki ialah kanser kolorektal manakala bagi wanita pula ialah kanser payudara.

Dr Mohd Anis berkata, IKN akan berusaha untuk terus meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan pencegahan dan saringan awal selain pemakanan sihat kerana kanser dapat dicegah dan dirawat dengan baik sekiranya dikesan awal.

Sementara itu, Dr Zaliha dalam ucapan ringkas berkata beban pesakit kanser dijangka terus meningkat disebabkan prevalen faktor-faktor risiko penyakit tidak berjangkit yang tinggi dan populasi menua di Malaysia.

Namun demikian, beliau berkata berdasarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, hampir 30 hingga 50 peratus penyakit kanser boleh dicegah melalui amalan pemakanan sihat, melakukan aktiviti fizikal, tidak merokok serta mengelakkan pengambilan alkohol secara berlebihan. — Bernama



RAMAI PESERTA: Lebih 1,000 peserta menyertai World Cancer Day Fun Run 2023 di Institut Kanser Negara, Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama

TARIKH	AGENSI	SUBJEK	MEDIA	TAJUK	MUKA SURAT
8/10/2024	IKN	Kanser	Harian Metro	Pejuang kanser pusing Malaysia pungut dana	10

Pejuang kanser pusing Malaysia pungut dana

Putrajaya: Walaupun disahkan menghidap kanser payudara tahap empat pada Jun 2021, Sarlinawati Abdul Mues tidak patah semangat untuk melakukan kembara motosikal secara solo mengelilingi Semenanjung Malaysia bagi mengumpul dana untuk Projek Bra Prostesis dan Mastektomi anjuran Cancer Survivor Malaysia (CSM).

Sarlinawati, 47, atau nama panggilannya Nina akan ditemani skuter WM ES250i miliknya untuk kembara kira-kira 3,000 kilometer selama 24 hari itu yang bermula di Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya pada 2

Oktober lalu dan bakal berakhir di Ipoh, Perak.

"Projek ini bertujuan membantu meringankan beban kira-kira 100 pesakit kanser payudara yang kurang berkemampuan untuk membeli alat silikon berbentuk payudara, yang dianggarkan bernilai RM2,000," katanya semasa majlis pelepasan Kembara Solo Cancer Fighter di IKN itu baru-baru ini.

Sarlinawati berkata, antara pengisian sepanjang kembara itu ialah menyantuni pesakit kanser yang sedang mendapat rawatan di fasiliti kesihatan serta kediaman mereka, selain menyampaikan ceramah



SARLINAWATI pada majlis pelepasan kembara motosikal secara solonya yang bermula di Institut Kanser Negara (IKN).

motivasi kepada pesakit kanser menerusi beberapa sesi yang dirancang di negeri-negeri yang dilawati. Ibu tunggal kepada anak perempuan berusia 27 ta-

hun itu berkata antara lokasi kediaman pesakit yang akan disantuni ialah di Rompin dan Pekan, Pahang; Kemaman di Terengganu; Wakaf Bharu di Ke-

lantan; dan fasiliti kesihatan seperti Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor, Hospital Sultanah Aminah di Johor, Pusat Rawatan KMC di Perak dan Hospital

Sungai Buloh, Selangor. Berkongsi cetusan idea bagi melakukan kembara itu, Sarlinawati yang mula menginjakkan diri dengan dunia permotoran ketika berusia 18 tahun berkata beliau mahu menterjemahkan sokongan kepada pesakit kanser yang sedang berjuang atau yang telah berputus asa dalam melawan kanser kerana menganggap ia adalah noktah dalam kehidupan.

"Saya sendiri masih melawan penyakit ini dan perlu mendapatkan rawatan. Saya harap mereka terima mesej saya bahawa kita (pesakit kanser) perlu kuat dan sokong sesama kita.

"Jangan fikir kita bersendirian melawan kanser, kerana tanggapan ini 'bunuh' semangat kita," katanya yang positif masih ada insan yang ambil peduli tentang kebajikan pesakit kanser.